

20/01/2003

`Jadikan keganasan Israel isu utama'

KUALA LUMPUR: Majlis Belia Malaysia (MBM), mahu Negara-negara Berkecuali (NAM) menjadikan isu keganasan Israel di Palestin sebagai agenda utama dalam sidang kemuncaknya yang akan diadakan di sini, bulan depan.

Setiausaha Agung MBM, Norizan Sharif, berkata MBM percaya Malaysia mampu menjadi pemimpin dalam isu itu pada Sbagi menentukan jenayah perang dan penggunaan senjata pemusnah berat oleh Israel dapat dihentikan.

Katanya, MBM kesal kerana rakyat Palestin terus menjadi mangsa kekejaman Israel dan keganasan itu mendapat perlindungan kuasa besar dunia yang tidak berperikemanusiaan.

"Sehubungan itu, MBM percaya ketokohan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai pemimpin yang adil, tegas dan berwibawa dapat meyakinkan negara berkecuali untuk bersama-sama mencari penyelesaian dan menamatkan kekejaman Israel di bumi Palestin," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Norizan berkata, sejak September 2000 hingga bulan ini, seramai 2,151 rakyat Palestin dibunuh dengan kejam dan lebih 41,000 cedera parah.

Daripada jumlah itu, katanya, 192 dibunuh melalui serangan dan bertentangan dengan Konvensyen Geneva dan dianggap sebagai jenayah perang.

"Selain penggunaan senjata pemusnah berat yang masih berleluasa, ancaman senjata nuklear oleh Israel juga masih wujud. Jika ini berlaku, ia akan mengakibatkan pembunuhan rakyat Palestin yang lebih ramai," katanya.